

# Perjuangan menuntut pengiktirafan homoseksual, lesbian tiada faedah



**Anwar Patho Rohman**

wananwar@bharian.com.my

**B**EKAS Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor baru-baru ini memberi amaran Malaysia mungkin akan menghadapi gelombang politik baru yang memperjuangkan hak sama rata.

Bagi beliau, 'gelombang hak asasi manusia' ini memandang remeh setiap dasar yang dipersetujui bersama serta mempersoalkan hal diterima masyarakat majmuk di Malaysia sebelum merdeka seperti kontrak sosial dan prinsip jus soli (kewarganegaraan).

Malah katanya, individu dan kumpulan yang memperjuangkannya menganggap hak asasi manusia ini sebagai satu agama atau doktrin baru dunia yang perlu disebar.

Pihak yang menentang gelombang ini pula akan dianggap sebagai penghalang kepada kebebasan hakiki yang mereka perjuangkan atas nama kebebasan hak asasi manusia.

Namun, kebebasan yang mereka menuntut ini jelas sekali membahayakan masyarakat dan negara kerana ia bukan saja bertentangan dengan agama dan fitrah hidup manusia, malah mampu meruntuhkan nega-

ra, institusi keluarga dan agama

Ternyata, apa yang disuarakan Abdul Rahim itu ada asasnya kerana ketika ini, sedang berlangsung satu program khas bagi mengiktiraf kewujudan golongan homoseksual, lesbian, gay dan hubungan bebas antara jantina di negara ini.

Program dikenali Seksualiti Merdeka 2011 bertemakan 'Jangan Takut Walaupun Menjadi Songsang' berlangsung di ibu negara selama dua minggu bermula kelmarin dan berakhir 13 November ini.

Program itu boleh disifatkan sebagai mahu menghalalkan perkara yang haram itu menuntut hak sama rata dianugerahkan kepada golongan gay, lesbian, pengamal hubungan seks bebas dan homoseksual.

Bagi pengamal budaya seks songsang ini, penganjur menyeru mereka supaya tidak berasa takut atau janggal dengan amalan itu, sebaliknya perlu berjuang untuk mendapat pengiktirafan masyarakat.

Jelas sekali, program berkenaan amat bertentangan dengan Perlembagaan yang menetapkan agama Islam sebagai agama Persekutuan, di samping menghina institusi Raja, selaku Ketua Agama Islam dan simbol perpaduan serta Ketua Utama Negara.

Program yang dijadualkan dirasmikan pemimpin pertubuhan haram BERSIH, Datuk S Ambiga itu juga sebenarnya menghina Islam dan tidak menghormati sensitiviti umat Islam serta masyarakat berbilang bangsa dan anutan agama di

negara ini.

Penganjuran program itu membuktikan ada usaha terancang pihak tertentu untuk mengajak masyarakat mengiktiraf kegiatan tidak bermoral dilakukan manusia songsang. Justeru, pihak berkuasa di negara ini sewajarnya mengambil tindakan tegas terhadap penganjur program ini kerana ia bertentangan dari sudut agama dan moral.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, berkata program berkenaan ternyata tidak mendatangkan faedah kepada rakyat sama ada dari sudut moral, kemajuan dan agama.

"Ia hanya mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat jika budaya songsang ini dibiarkan tanpa sebarang tindakan tegas. Program ini patut dicegah daripada awal. Dalam suasana masyarakat majmuk, bermoral dan bertamadun, saya faham masyarakat menolak perkara ini yang ternyata tidak mendatangkan faedah.

"Selain bertentangan dengan budaya timur dan nilai murni masyarakat kita, program itu juga haram di sisi Islam. Saya juga percaya agama lain tidak bersetuju dengan program ini kerana ia merosakkan nilai moral dan bertentangan dengan fitrah manusia," katanya.

Difahamkan, pihak berkuasa tidak dapat mengambil tindakan terhadap penganjur kerana program itu diadakan di dalam kawasan persendirian.



*Selain bertentangan dengan budaya timur dan nilai murni masyarakat kita, program itu juga haram di sisi Islam. Saya juga percaya agama lain tidak bersetuju program ini kerana ia merosakkan nilai moral dan bertentangan dengan fitrah manusia*

**Abdul Shukor Husin**  
Pengerusi Jawatankuasa  
Majlis Fatwa Kebangsaan



Abdul Shukor turut berkata, program itu bertentangan dengan konsep wassatiyyah yang mahu diterapkan dalam kehidupan masyarakat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana ia menyogok konsep liberal melampau.

Sementara itu, Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Mohamad Raimi Ab Rahim menegaskan, pihak berkuasa perlu bertegas menghalang program berkenaan daripada terus berlangsung kerana ia tertakluk di bawah undang-undang.

"Kegiatan seks songsang dan bebas ini tertakluk kepada undang-undang Kanun Keseksan (liwat) dan Enakmen Syariah Negeri.

"Berdasarkan latar ini, kita kesal kerana pihak penganjur tidak sensitif dan bertindak meneruskan

agenda mereka. ABIM mendesak pihak berwajib mengambil tindakan tegas menyasat perkara ini secepat mungkin," katanya.

Mohamad Raimi menambah, pihaknya menyedari penganjuran program bagi menyokong kewujudan golongan songsang ini begitu bersemarak pada Oktober lalu dan bulan ini.

"Platform kebebasan hak asasi manusia harus dipandu oleh nilai agama dan budaya masyarakat serta perlu disesuaikan dengan sosio-budaya masyarakat," katanya.

Beliau turut menjelaskan perjuangan berkaitan isu hak asasi manusia perlu berpandukan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Kaheerah yang falsafahnya selari dengan nilai agama dan moral masyarakat beragama.